



Rasuah bagai 'barah' dalam kehidupan

Pemberi dan penerima sogokan warisi sifat tamak gugat keimanan

MEMBERI dan menerima rasuah bukanlah asing pada hari ini. Seluruh dunia berdepan masalah terus membarah dalam setiap aspek kehidupan termasuk kepemimpinan dan pentadbiran yang digoyah dengan amalan rasuah.

Memberi sogokan kepada seseorang dalam bentuk hadiah sama ada wang ringgit, imbuhan, perkhidmatan atau faedah lainnya bagi membolehkannya mendapatkan sesuatu dihajati adalah perbuatan yang amat dikeji Allah SWT.

Mengambil harta orang lain dengan cara salah adalah satu perbuatan mengingkari perintah Allah SWT. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, pada hal kamu mengetahui salahnya."* (Surah al-Baqarah, ayat 188)

Ini kerana perbuatan memberi sogokan untuk mendapatkan 'sesuatu' adalah satu sifat diwarisi daripada syaitan, musuh kepada seluruh umat Islam. Implikasinya juga besar, manusia boleh berbohong tanpa mengambil kira hukum syarak dan menyebarkan

perpecahan dalam kalangan umat Islam.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."* (Surah al-Baqarah, ayat 168)

Rasulullah SAW juga melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah. Sabda Baginda yang bermaksud: "Dari Abdillah bin Amru, ia berkata: Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah." (Hadis riwayat At-Tarmizi)

Orang yang tidak bersyukur kepada Allah SWT adalah orang yang mudah mengikut jejak langkah syaitan yang fungsinya menghancurkan keimanan umat Islam. Memberi dan menerima rasuah adalah sifat tamak yang meringgirkan hukum agama.

Satu-satunya tonggak yang boleh menghalang daripada berlakunya amalan rasuah dalam urusan harian adalah dengan bertunjangkan sifat amanah. Tidak semudah menyebutnya, amanah adalah satu sifat terpuji ditonjolkan Rasulullah SAW, Khulafa' al-Rasyidin dan sahabat yang sentiasa mendampingi Rasulullah dan mengikuti akhlak Baginda.

Dengan sikap amanah, era kepe-

mimpinan Rasulullah SAW diangkat sebagai kepemimpinan paling mulia untuk diteladani. Sifat pemimpin masa itu yang adil serta bijaksana mengatur strategi dakwah dengan menonjolkan kepemimpinan amanah dan mendidik orang dipimpin.

Bukan sekadar memberi peringatan, Rasulullah SAW mendidik umat bawah tadbirannya mencontohi watak Baginda merendah diri tetapi besar hatinya, sikit harta tetapi banyak ilmunya, tenang bicara tetapi dalam maknanya,

PETIKAN



Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu ☉☉

Surah al-Baqarah
Ayat 168

kecil tanah jajahannya tetapi satu dunia dan akhirat sempadannya.

Kepemimpinan yang cemerlang ini menakutkan kafir Quraisy yang akhirnya menawarkan sesuatu kepada Rasulullah SAW supaya Baginda dapat bekerjasama dengan mereka tetapi ditolak oleh Baginda.

Rasulullah SAW pernah ditanya bagaimana cara supaya Allah SWT mudah memakbulkan doa hamba-Nya.

Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani yang bermaksud: "Dari Saad bin Abi Waqas, ia berkata: Wahai Rasulullah serulah kepada Allah untuk menjadikan aku orang yang mustajab dengannya, Bersabda Rasulullah SAW: Wahai Saad, perbaikilah makanamu, nescaya kamu menjadi orang yang dikabulkan doanya. Demi jiwa Muhammad dalam genggamannya, sesungguhnya seorang hamba yang memasukkan sesuap makanan yang haram ke dalam perutnya, maka tidak akan diterima amal kebajikannya selama 40 hari. Dan barang siapa yang daging dalam badannya tumbuh dari yang haram dan dari hasil riba, maka api neraka lebih layak baginya."

Seseorang pemimpin yang cemerlang dalam pentadbiran adalah yang paling amanah terhadap tanggungjawabnya dan tidak berkira mencurahkan bakti terhadap orang dipimpin.

Suami atau bapa yang amanah, pasti kuat berkerja untuk mencari rezeki yang halal untuk keluarga.

Isteri atau ibu yang amanah, tidak berkeluh kesah menjalankan tugas rumah tangga serta membimbing setiap cahaya mata dengan baik, manakala anak yang amanah tidak akan memungkiri janji mereka kepada ibu bapa untuk menjadi insan terbilang.

Realitinya, kita boleh lihat bagaimana sebuah kehidupan yang tidak lagi sarat dengan sifat amanah,arganya pasti porak-peranda, kucar-kacir dan tidak mempunyai hala tuju jelas menuju masa depan cemerlang.

Sebenarnya, pelbagai kisah berlaku depan mata cukup untuk menyedarkan, tetapi kita tetap juga lupa.

Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: "Dari Abi Hurairah, sabda Rasulullah SAW: Apabila hilang amanah maka tunggulah kedatangan hari kiamat. Maka bertanya seorang lelaki: Bagaimana hilangnya amanah itu? Sabda Rasulullah SAW: Iaitu apabila sesuatu urusan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah kerosakan dan kebinasaan." (Hadis riwayat Al-Bukhari)

**Penulis ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Universiti Sains Islam Malaysia.**